

MAAHAD TAHFIZ DARUL HADITH DI SABAH: KAJIAN PENGENALAN DAN METODOLOGI PEMBELAJARAN

Naqiyah Liyana¹ & Muhammad Arif Yahya²

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah,

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

liyananaqiyah@yahoo.com¹ & arifyahya@ukm.edu.my²

ABSTRACT

The numbers of Hadith institutions in Sabah, whether formal and informal, are much lesser compared to the number of institutions available in East Malaysia. Thus, it leads to the fewer number of researches on hadith among Sabahan. The purpose of this article is to study more about Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah as it is the first Darul Hadith in the state and to find out the method used by this Maahad to deliver the knowledge of Hadith. This is a qualitative research by using interviews, document analysis, and collecting data and information from Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah official web such Facebook page and blog. The result from the study found that this institution is among the earliest established in Sabah, specifically focusing on the teaching and learning of Hadith. In addition, the findings of the study also found that the purpose of Maahad Darul Hadith Sabah was established is to produce and train students to become skilled individuals in the field of religion, especially in the study of hadith in the state of Sabah. Hopefully with the establishment of this institution can further boost the study and learning of Hadith, especially in the State of Sabah.

Keywords: Methodology, teaching and learning, talaggi method, kitaabah methode, Maahad Darul Hadith Sembulan Sabah

ABSTRAK

Jumlah institusi Hadith di Sabah sama ada secara formal maupun tidak formal adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan jumlah institusi yang wujud di Semenanjung Malaysia. Justeru menyebabkan pengajaran hadith di Sabah lebih asing dalam kalangan masyarakat Sabah itu sendiri. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji berkenaan Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah dengan lebih jelas kerana ia merupakan Darul Hadith pertama yang ditubuhkan di negeri Sabah serta metode yang digunakan dalam menyampaikan ilmu hadith. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual, kajian dokumen serta pengumpulan data dan maklumat dibuat dengan merujuk kepada laman rasmi Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah seperti facebook, dan blog institusi ini. Hasil kajian mendapati bahawa institusi ini adalah merupakan antara institusi terawal yang didirikan di Sabah yang menfokuskan tentang pengajaran dan pembelajaran hadith secara khusus. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa tujuan Maahad Darul Hadith Sabah ini ditubuhkan adalah untuk melahirkan serta melatih para penuntut agar menjadi individu yang mahir dalam bidang agama khususnya dalam pengajaran ilmu hadith di negeri Sabah. Semoga dengan penubuhan institusi ini dapat merancakkan lagi pengajaran dan pembelajaran Hadith khususnya di Negeri Sabah ini.

Kata kunci: Metodologi pengajaran dan pembelajaran, metode talaqqi, metode kitaabah, Maahad Darul Hadith Sembulan Sabah.

PENDAHULUAN

Pengajian Hadis di Malaysia berlaku secara formal dan tidak formal berdasarkan institusi yang menawarkan pengajian tersebut (Mohd Fadzil, Fauzi Deraman & Amir, 2014). Pengajian Hadis di Sabah terutamanya tidak serancak pengajian Hadis yang dilaksanakan di semenanjung Malaysia. Ini kerana aspek kemudahan serta tokoh-tokoh yang menyampaikan pengajian Hadis di Semenanjung Malaysia lebih ramai berbanding di Sabah dan Sarawak. Walaupun sejarah kedatangan Islam di Sabah dicatatkan lebih awal iaitu sebelum kedatangan penjajahan Barat (Tom & Harrison, 1971), namun pengajian hadis secara khusus dengan pembinaan institusi yang berkaitan dengan pengajian ini dikenalpasti agak lewat berbanding bidang pengajian Islam yang lain. Artikel ini sebagai kajian pengenalan terhadap salah satu institusi Hadis yang dikenalpasti antara yang terawal ditubuhkan di Negeri Sabah iaitu Maahad Tahfiz Darul Hadis Sabah.

Sejarah Ringkas Penubuhan Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah

Sepertimana yang diketahui pengajaran dan pembelajaran sesuatu ilmu secara umumnya diklasifikasikan kepada dua jenis sama ada secara khusus ataupun umum. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada temu bual yang dilakukan oleh penulis kepada salah seorang tenaga pengajar yang bertugas di Institusi Pendidikan dan Pengajian Maahad Darul Hadith Sabah terdapat beberapa maklumat yang telah berjaya dikumpul seperti sejarah penubuhan, faktor penubuhan, proses pengajaran dan pembelajaran, kaedah pembelajaran dan sedikit sebanyak mengenai tenaga pengajar serta penuntut di sana.

Hasil yang diperolehi melalui temubual yang diadakan bersama dengan bekas mudir Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah iaitu ustaz Mat Razali Mat Lazin berkenaan tentang sejarah penubuhan Institusi Pendidikan dan Pengajian Maahad Darul Hadith Sabah mendapati bahawa tarikh penubuhan awal institusi ini adalah pada 17 Januari 2015. Pada awal penubuhan Darul Hadith Sabah, jumlah asal pelajar yang mendaftar pada ketika itu hanya seramai 17 orang sahaja. Jika dibandingkan dengan jumlah penuntut yang berdaftar di bawah Darul Hadith Sabah pada tahun 2019, terdapat peningkatan seramai 70 orang yang sedang menuntut di institusi tersebut. Walaupun peningkatan tersebut tidaklah berlaku secara drastik namun jika dipandang dari sudut yang positif, semakin bertambah jumlah masyarakat Sabah yang mulai menyedari kepentingan pengajian ilmu agama, maka ramai ibu bapa yang telah mengambil langkah untuk mendaftarkan anak-anak mereka untuk menuntut di Institusi Pendidikan dan Pengajian Maahad Darul Hadith Sabah ini.

Darul Hadith Sabah adalah sebuah institusi yang memfokuskan kepada pengajaran yang berkaitan tentang ilmu dalam bidang hadith selain daripada hafazan al-Quran. Proses pembelajaran di institusi ini terbahagi kepada tiga tahap. Pertama, pembelajaran hadith secara umum. Kedua, pembelajaran hadith secara khusus dan yang terakhir di sebut sebagai ‘alim atau dikenali sebagai dauratul hadith di mana untuk mencapai tahap ini seseorang pelajar itu disyaratkan untuk menghabiskan hafalan al-Quran untuk memperolehi syahadah al-Quran. Pembelajaran hadith di institusi ini tidak berlaku pada peringkat tahfiz tetapi ianya cuma berlaku pada peringkat ‘alim sahaja. Peringkat ‘alim adalah sebuah proses pembelajaran yang mengambil masa selama 8 tahun untuk menghabiskan silibus kitab pembelajaran yang ditetapkan oleh pihak institusi tersebut. (Mat Razali Mat Lazin, 2020)

Maklumat tambahan yang diperolehi daripada temu bual yang dijalankan adalah berkenaan tentang fenomena yang berlaku di Darul Hadith Sabah. Tenaga pengajar yang bertugas di institusi

ini adalah seramai 10 orang manakala jumlah sebenar pelajar yang menuntut di institusi ini adalah seramai 70 orang setakat tahun 2019. Ruang pembelajaran ataupun kelas-kelas yang ada diasingkan menjadi 1 kelas khusus untuk pelajar perempuan dan 1 kelas khusus untuk pelajar lelaki agar memudahkan proses pengajaran yang memerlukan interaksi dialog ataupun interaksi dua hala. Pelajar mampu bertanya secara langsung kepada guru yang mengajar pada ketika itu tanpa memerlukan mereka untuk merasa malu dalam mengemukakan pertanyaan.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi dan pengamatan penulis terhadap proses pengajaran dan pembelajaran hadith di institusi ini, terdapat beberapa lompongan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran tersebut. Oleh itu, perkara ini menarik minat penulis untuk mengkaji dan melihat apakah masalah dan penyelesaian yang boleh dilakukan untuk memastikan proses pembelajaran ini lebih berkesan pada masa yang akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian digunakan sebagai suatu medium dalam membantu menjalankan kajian secara lebih sistematik dan tersusun. Ia merupakan sebuah gambaran terhadap kajian mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi mencapai hasil kajian yang bertepatan dengan objektif kajian yang telah dinyatakan.

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan pengumpulan data melalui dokumen rasmi institusi yang dikaji. Maklumat secara langsung melalui kaedah temu bual diperolehi dengan mengadakan sesi temu bual dengan pihak pentadbiran Darul Hadith Sabah ini. Pengumpulan maklumat bermula apabila berlakunya dialog dua hala dan perbincangan secara bersemuka dengan responden dan maklumat daripada temu bual tersebut dirakam melalui perakam suara. Menurut Ahmad Sunawari Long (2014), bentuk temu bual yang sesuai untuk digunakan adalah temu bual yang tidak berstruktur agar responden ataupun informan kajian berada dalam keadaan bebas dari tekanan dan selesa semasa berlakunya sesi tersebut. Tambahan pula, dengan mengadakan temu bual tidak berstruktur ini maka pengkaji akan mudah untuk mendapatkan maklumat tambah yang lebih meluas lagi berkenaan tentang perlaksanaan metode pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di Institusi Pendidikan dan Pengajian Maahad Darul Hadith Sabah.

PERBINCANGAN & DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang telah dirungkai oleh para sarjana terdahulu, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan iaitu berkaitan tentang kaedah metodologi pengajaran dan pembelajaran di beberapa institusi sama ada secara formal dan tidak formal di negara yang berbeza seperti Malaysia, Singapura, Indonesia dan juga Brunei. Walaupun pelbagai kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana terdahulu pengkaji tidak menemukan sebarang kajian khusus mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran di Institut Pendidikan dan Pengajian Maahad Darul Hadith Sabah ini.

Menurut kajian daripada Maulana Muhammad Ilyas et al (2017) mengatakan pembelajaran ilmu hadith adalah salah satu aspek penting dalam pendidikan umat Islam, namun realiti masyarakat yang beragama Islam di Malaysia kini hanya menekankan pembelajaran al-Quran dan kurang mengengahkan al-Sunnah itu sebagai penjelas kepada al-Quran. Kajian yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia ini bertujuan untuk mengenal

pasti permasalahan yang timbul sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku. Hasil daripada kajian ini mengenal pasti bahawa masalah yang timbul adalah disebabkan oleh ralat pada sistem sekolah itu sendiri yang tidak cakna terhadap kekangan yang timbul dan sikap tidak prihatin pihak sekolah terhadap guru dalam menyediakan bahan bantuan mengajar (BBM).

Selain itu, menurut Latifah Abdul Majid (et. al. 2012) mengatakan kerajaan Malaysia berhasrat untuk melahirkan para graduan Pengajian Islam khususnya para graduan dalam bidang Hadith yang cemerlang dan berkualiti agar menepati kehendak semasa. Banyak usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia namun masih terdapat kekurangan dalam keberkesanannya serta kefahaman pelajar terhadap sistem pengajaran menerusi institusi yang telah ditubuhkan. Kajian yang dijalankan di institusi pengajian tinggi yang berada di sekitar kawasan Selangor ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanannya serta tahap kefahaman pelajar terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran di sebuah institusi pengajian. Hasil kajian mendapatkan bahawa perkembangan teknologi dunia yang pesat telah menjadi penyumbang terhadap perubahan dalam kaedah dan metode pengajaran dan pembelajaran pengajian ilmu hadith kini. Kajian ini hanya tertumpu kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran Hadith di IPT kawasan Selangor maka dapatkan melalui kajian ini akan memberikan hasil yang berbeza kerana perbezaan lokasi dan institusi.

Menurut Qutrennada Rosli (2017) dalam kajian disertasi beliau berkenaan metodologi pengajaran dan pembelajaran hadith di Darul Ulum Ihya Ulumuddin Alor Setar, Kedah, kajian mendapatkan bahawa guru yang mengajar subjek hadith tidak menerapkan langkah inovasi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji peranan dan sumbangannya Darul Ulum Kedah. Hasil daripada kajian tersebut mendapatkan bahawa kaedah syaraan bukanlah kaedah utama dalam pembelajaran hadith kerana guru harus mengaplikasikan kaedah pengajaran yang pelbagai sesuai dengan kepelbagaiannya tahap pemikiran dan latar belakang pelajar.

Ilmu hadith sangat mementingkan salasilah periyawatan agar hadith yang disampaikan adalah bebas daripada penipuan yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Dalam kajian Farrah Zaidar Mohamed Ramli (et. al. 2013) menerangkan bahawa *talaqqi* bersanad adalah suatu mekanisme yang digunakan dalam mengekalkan kesucian salasilah sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW. Namun artikel ini hanya menerangkan salah satu daripada dua kaedah *talaqqi* bersanad iaitu kaedah *al-sard*. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa responden telahpun menggunakan mekanisme *al-sama'*, *al-qira'ah*, dan *al-ijazah*. Namun kajian yang dijalankan ini berbentuk umum dan tidak khusus kepada mana-mana institusi.

Seterusnya, masjid dan surau bukan sahaja berperanan sebagai tempat melaksanakan ibadah namun ia juga dijadikan sebuah institusi untuk mendalamai pelbagai ilmu khususnya ilmu Al-Quran dan hadith Nabawiah. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak masjid dalam melaksanakan *fardu* kifayah seperti mengadakan kuliah agama kepada masyarakat setempat. Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd Azrin Johari (2016) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Surau al-Mawaddah Shah Alam objektif kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap kefahaman tentang ilmu hadith para jemaah yang hadir dalam kuliah yang diadakan di masjid dan surau tersebut. Hasil daripada kajian mendapatkan bahawa tahap kefahaman majoriti daripada responden yang mengikuti kelas agama di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Surau al-Mawaddah Shah Alam adalah tinggi dan pemahaman mereka terhadap ilmu hadith ini semakin bertambah semenjak mengikuti kuliah yang disediakan oleh pihak masjid dan surau walaupun begitu terdapat juga segelintir yang tahap kefahaman mereka terhadap ilmu hadith tidak bertambah. Namun kajian ini dijalankan di institusi yang tidak formal

dan kajian hanya mengkaji tahap kefahaman ilmu hadith di kalangan para jemaah yang menghadiri kuliah agama dan bukan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran di institusi tersebut.

Kajian signifikan yang telah dijalankan oleh Muhammad Fairuz bin A. Adi (et al. 2016) yang berpusat di beberapa buah masjid di negeri Selangor mengemukakan objektif untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan ilmu semasa kuliah hadith. Hadith adalah sebuah ilmu yang wajib disampaikan secara tepat bagi mengelak salah faham masyarakat dan peranan tenaga pengajar adalah untuk menyampaikan ilmu tersebut dengan kaedah yang sesuai agar mudah difahami jemaah yang hadir. Hasil daripada kajian mendapati bahawa tenaga pengajar di beberapa institusi tidak formal seperti masjid Salahuddin Abdul Aziz Shah, masjid Sultan Ibrahim dan masjid al-Hasanah mengendalikan kuliah dengan menggunakan pelbagai kaedah serta cara pengajaran yang berbeza dalam menyampaikan kuliah dan syarahan mereka. Kajian yang dijalankan hanya memfokuskan kepada kaedah pengajaran di beberapa masjid yang terpilih.

Menurut Mohd. Napiah bin Abdulllah (1989) dalam kajian berkenaan pengajian hadis yang dijalankan di institusi pondok bertempat di daerah Baling, Kedah, menjelaskan bahawa kehebatan sesebuah institusi itu bergantung kepada kebolehan para guru dalam mempersempitkan syarahan ilmu dengan baik. Hasil kajian mendapati bahawa semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam halaqah tiadanya sesi dialog antara pelajar dan guru malah hanya sesi monolog sahaja di benarkan di mana guru bercakap dan para pelajar tidak digalakkan untuk bertanya serta bersoal jawab. Walaupun begitu, tidak dinafikan perkembangan ilmu agama Islam ini mendapat reaksi yang positif daripada penduduk setempat malah diterima dengan tangan yang terbuka dan institusi pondok ini mampu melahirkan para ilmuwan Islam yang memberikan sumbangan yang besar di dalam mempertahankan akidah umat Islam. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa fokus utama kajian ini bukanlah berkaitan dengan kaedah metodologi pengajaran dan pembelajaran ilmu hadith namun kajian ini hanya menjelaskan tentang pengajian hadith di institusi pondok yang bertempat di daerah Baling, Kedah.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa tidak terdapat sebarang kajian khusus mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek ilmu hadith di Institusi Pengajian dan Pendidikan Maahad Darul Hadith di Sabah. Justeru, kajian mengenai metodologi pengajaran dan pembelajaran di Darul Hadith Sabah ini merupakan sebuah keperluan bagi membantu dalam mempelbagaikan lagi informasi berkenaan tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek hadith serta membuat penelitian terhadap kaedah yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran itu berlaku untuk membantu dalam mengesahkan terdapat kelemahan dalam kaedah tersebut justeru membantu dalam penambahbaikan dalam pembelajaran.

Selain itu, berkenaan dengan pengajian hadith di Sabah juga, dapat dilihat bahawa pembelajaran hadith ini kurang mendapat perhatian daripada masyarakat setempat jika dibandingkan dengan pengajian hadith di semenanjung. Pelbagai usaha telah dilakukan dalam meneruskan usaha perkembangan ilmu-ilmu agama Islam di Sabah agar tidak pudar nilai Islam dalam kalangan masyarakat. Ini adalah kerana kesedaran daripada masyarakat setempat agar tuntutan fardhu kifayah ini terus dilaksanakan dan diperjuangkan agar masyarakat yang beragama Islam khususnya lebih peka terhadap pengajian sebegini. Di atas keprihatinan ini, Institusi Pendidikan dan Pengajian Maahad Darul hadith Sabah telah ditubuhkan dan institusi adalah merupakan antara institusi hadith terawal yang telah dibina di negeri bawah bayu ini.

Tujuan Institusi Pendidikan dan Pengajian Maahad Darul Hadith Sabah ini ditubuhkan adalah untuk melahirkan serta melatih para penuntut agar menjadi individu yang mahir dalam bidang agama khususnya dalam pengajian ilmu hadith di negeri Sabah. Tumpuan dikhkususkan kepada negeri Sabah adalah kerana kurangnya pakar dalam bidang pengajian ilmu hadith ini jika dibandingkan dengan jumlah pakar ilmu hadith yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Kekurangan yang wujud ini menyebabkan pengajian ilmu hadith di Sabah tidak serancak pengajian ilmu hadith yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk melihat apakah sumbangan yang dapat diberikan oleh institusi tersebut kepada masyarakat Sabah, metodologi yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran hadith serta keberkesanannya kepada para pelajar di institusi tersebut. Oleh itu, satu kajian perlu dibuat untuk mengetahui apakah sumbangan, metodologi dan bagaimana keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran ini kepada masyarakat pelajar khususnya pada masyarakat Sabah itu sendiri.

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajiban kita untuk bersama berusaha mengajarkan dan memahamkan hadith nabawi kepada masyarakat. Terdapat dua cara para sahabat menyampaikan hadith daripada Rasulullah SAW. Pertama, mereka menyampaikan hadith dengan lafadz yang asal daripada Rasulullah SAW iaitu mengikut lafadz yang mereka terima daripada baginda. Kedua, mereka menyampaikan maknanya bukan lafadznya kerana mereka tidak menghafaz lafadz yang asal daripada baginda (Hasbi al-Shiddieqy 1974).

KESIMPULAN

Momentum pengajian hadith di Sabah sangat perlahan jika dibandingkan dengan pengajian hadith di semenanjung Malaysia. Maka dengan tertubuhnya Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah ini adalah sebuah permulaan yang baik bagi mengembangkan lagi ilmu pengajian hadith dalam kalangan masyarakat Sabah. Kajian ini dijalankan sebagai pengenalan awal terhadap Maahad Tahfiz Darul Hadith Sabah yang merupakan antara institusi hadith terawal di Sabah.

Hasil dapatan daripada kajian ini mampu memberikan implikasi terhadap para tenaga pengajar dalam meningkatkan lagi mutu pengajaran dan mengambil langkah untuk merancang proses pengajaran yang lebih komprehensif dan sistematik. Hasil daripada kajian ini juga mampu menambah informasi berkaitan tentang kaedah pengajaran dan maklumat pembelajaran berkaitan ilmu hadith.

RUJUKAN

- Al-Marbawi, Muahmmad Idris °Abd al-Ra°uf. 1990. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Al-Quran al-Karim. 1999. *Terjemahan al-Qur'an Abdullah Muhammad Basmeh*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli. 2013. *Penerokaan Talaqqi Bersanad (TB) dalam Pengajian Hadis di Malaysia*. ISLĀMIYYĀT 35 (2) 2013: 67-76.

- Fauzi Deraman, Ishak Hj. Sulaiman, Faisal Ahmad Shah. 2010. *Pengajian hadith di Malaysia Tokoh-Karya-Institusi*. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah Hadith, Akademi Pengajian Islam: University Malaya, Kuala Lumpur.
- Hasbi al-Shiddieqy. 1974. *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadis*. Jakarta: Kramat Kwitang.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UKM.
- Kamus Dewan. 2014. Edisi Keempat Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Abdul Majid. 2009. *Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di IPT Selangor*. Selangor. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012, UKM, ISBN 978-967-5478-47-5.
- Luthfi Maulana. 2016. *Periodesasi Perkembangan Studi Hadits (Dari Tradisi Lisan/Tulisan hingga Berbasis Digital)*. IAIN Pekalongan. Esensia.
- Mat Razali Mat Lazin, 2020, bekas Mudir Maahad Tahfiz Darul Hadis Sabah. Temubual pada 10 September 2020.
- Maulana Muhammad Ilyas bin Temrin. 2017. *Pembelajaran Ilmu Hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia*. Jurnal al-Turath; Vol. 2, No.1; 2017.
- Mohd Azrin Johari. 2016. *Pengajian Hadis di Masjid dan Surau: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Hadis*. Jurnal Hadhari, 8 (2) : 295-308.
- Mohd. Napiah bin Abdullah. 1989. *Pengajian Hadis di Institusi Pondok: Satu Kajian di Daerah Baling, Kedah*. ISLĀMIYYĀT 10 (1989): 31-42.
- Muhammad Faidz Mohd Fadzil, Fauzi Deraman, Selamat Amir (2014), *Pengajian Hadith di Institusi Formal dan Non Formal di Malaysia*, Jurnal Hadis, KUIS, 4 (7) : 33-59.
- Muhammad Fairuz bin A.Adi. 2016. *Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar Hadis di Masjid-Masjid Negeri Selangor*. Kuala Lumpur: E-Proceeding of the 1st INHAD International
- Qutrennada Rosli. 2017. *Perkembangan Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Negeri Kedah*. Selangor: Ulum Hadith Research Center.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Noor Najihan Jaafar, Mohd Zohdi Mohd Amin. 2014. *Aplikasi Laman Web al-Durar al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadith: Kajian Kes di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*. Negeri Sembilan: USIM.
- Tom and Barbara Harisson. 1971. *Prehistory of Sabah*. Sabah Society Journal. Vol. IV. Kota Kinabalu: Sabah Society.